# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 13 DISEMBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | FOONG HIN MAHU MAJUKAN SEKTOR PERTANIAN DI SABAH, SARAWAK, NEGARA, KOSMO -4<br>PENGELUAR GESA KERAJAAN APUNGKAN HARGA TELUR AYAM, LOKAL, HM -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFI) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6. | PERIKANAN REKREASI TARIKAN PELANCONGAN, LOKAL, HM -18<br>PELIK KERAJAAN PERPADUAN MAHU IMPORT TELUR, FORUM, UM -19<br>CALL FOR EGG PRICE TO BE FLOATED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3<br>THE BEST WAY TO WARD OFF HIGH FOOD PRICES IS TO BOOST INCOME, LETTER, NST -11 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/12/2022 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Foong Hin mahu majukan sektor pertanian di Sabah, Sarawak



**FOONG HIN (kiri) ketika hadir sesi *clock-in* di Wisma Tani, Putrajaya semalam.** – IHSAN JABATAN PERTANIAN

**PUTRAJAYA** – Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berhasrat untuk memajukan sektor pertanian di Sabah dan Sarawak, sekali gus menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

Beliau berkata, ia adalah salah satu daripada pelbagai perkara yang akan beliau perjuangkan kerana kedua-dua negeri itu cukup luas dan sudah pasti pelbagai jenis tanaman boleh diusahakan.

"Sebagai anak jati Sabah, saya akan perjuangkan perkara tersebut dan harap ia akan dapat menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

"Dengan kemampuan kementerian serta kakitangan yang cukup hebat dan menteri yang berfikiran bernas, saya yakin isu-isu panas sekarang ini akan dapat ditangani," katanya.

Beliau berkata demikian selepas selesai sesi imbas kad (*clock-in*) sebagai simbolik memulakan tugas di Menara Asas Tani di sini semalam.

Terdahulu, kehadiran beliau disambut Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Badrul Hisham Mohd. dan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar (MAFS), Azah Hanim Ahmad.

Dalam pada itu, Foong Hin berkata, beliau teruja dan bersedia untuk menunaikan amanah yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Menteri Pertanian.

"Isu keterjaminan makanan sangat penting kerana ia merupakan isu global yang dihadapi semua negara di seluruh dunia.

"Bagaimanapun, saya minta diberikan masa dan ruang sebagai orang baharu memandang baru memulakan tugas secara rasmi hari ini," ujarnya.

Mengulas mengenai isu telur yang sedang dihadapi, ujarnya, tiada penyelesaian segera berkenaan perkara tersebut dan memohon diberikan masa serta ruang untuk mencari penyelesaian jangka masa panjang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/12/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |

# Pengeluar gesa kerajaan apungkan harga telur ayam



KOS makanan ayam yang tinggi menyebabkan pengeluaran telur ayam terhad.

**Sibu:** Pengeluar telur ayam di daerah ini menggesa kerajaan Persekutuan mengapungkan harga telur ayam bagi memastikan bekalannya di pasaran tempatan mencukupi, selain merangka dasar yang dapat meningkatkan pengeluaran makanan ayam.

Ahli Parlimen Sibu Oscar Ling Chai Yew berkata, pihak pengeluar sanggup bersaing dengan telur ayam import sekiranya kerajaan bersedia mengapungkan harganya.

"Pengeluar yakin harga telur ayam akan turun dalam tempoh beberapa bulan lagi dan bekalannya mencukupi jika Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengambil langkah berkenaan," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog dengan Persatuan Penternak Ayam Sibu dan Persatuan Penjual Daging Sibu, di sini, semalam.

Beliau berkata, ahli persatuan itu mendakwa kos makanan ayam yang tinggi menyebabkan pengeluaran telur ayam terhad dan menyukarkan mereka menjual pada harga kawalan purata RM12.90 sepapan.

"Kos makanan ayam meliputi 75 peratus daripada jumlah kos pengeluaran, jika kita boleh menghasilkan sendiri makanan ayam kita mampu mengawal harga produk tersebut. Jika Malaysia tidak dapat mengeluarkan makanan ayam 100 peratus, pengeluaran 50 peratus sudah cukup baik," katanya.

Dalam pada itu, Ling berkata, persatuan itu turut menggesa kerajaan memberikan lebih banyak lesen mengimport daging babi bagi menyelesaikan masalah kekurangan daging tersebut.

Menurutnya, ketika ini hanya terdapat empat pengimport daging babi berlesen di sini dan pengguna terpaksa bergantung kepada penternak dari Kuching untuk mendapatkan bekalan tambahan.

Ladang ternakan babi di Sibu telah ditutup sejak tercetusnya wabak demam babi Afrika (ASF) pada awal tahun ini dan kebanyakan penternak tidak dapat memulakan semula kerana kekurangan modal.

"Sehubungan itu, mereka mencadangkan penubuhan insurans pertanian sama ada swasta mahupun kerajaan supaya petani yang terjejas oleh penyakit seperti ASF boleh memulakan semula penternakan mereka menerusi dana daripada insurans," tambahnya.

*"Pengeluar yakin harga telur ayam akan turun dalam tempoh beberapa bulan lagi dan bekalannya mencukupi jika Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengambil langkah berkenaan"*

**Oscar Ling Chai Yew**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/12/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# Perikanan rekreasi tarikan pelancongan

**Ayer Keroh:** Sektor perikanan rekreasi dikenal pasti sebagai satu daripada tarikan pelancongan baharu yang bakal diketengah Melaka.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, ia berikutan kajian yang dilakukan Jabatan Perikanan Negeri menunjukkan spesies ikan gred A seperti jenahak dan kerapu banyak terdapat di perairan Melaka, yang boleh menarik perhatian kaki pancing.

"Begitu juga dengan pertandingan memancing yang boleh dirancang bersama pihak swasta bagi menjadikan Melaka sebagai destinasi memancing.

"Contohnya di Rompin, Pahang yang menjadi lokasi kaki pancing bagi memburu spesies ikan bermusim seperti ikan layaran dan marlin.

"Justeru di Melaka, memandangkan kita tidak mempunyai musim tengkujuh seperti di Pantai Timur, kita boleh mempromosikan perikanan rekreasi seperti memancing ini sebagai satu tarikan baharu yang mana ia secara tidak langsung membantu pengusaha bot dan peniaga kecil di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Siti Faizah Abd Azis (BN-Sungai Rambai) pada Persidangan Keempat (Bajet), Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (Dun) Negeri Melaka Yang Ke-15 di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/12/2022 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 19 |

# Pelik kerajaan perpaduan mahu import telur

**SAUDARA PENGARANG,**

**SAYA** ingin mengulas pengumuman oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu baru-baru ini bahawa kerajaan bersetuju mengimport telur ayam dari beberapa sumber luar sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi.

Tidakkah tindakan kerajaan baharu ini bersifat terburu-buru tanpa memikirkan kesan kepada rakyat dan pemain industri ayam dan telur?

Kepada kerajaan baharu ini, bertindaklah dengan bijak dan buat siasatan dahulu kerana khabarnya masalah telur ini telah berlarutan hampir enam bulan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lagi.

Begitu juga masalah kekurangan bekalan dan kehabisan stok minyak masak peket yang kembali menghantui pengguna.

Di pihak rakyat, mereka berharap kerajaan baharu dapat menyelesaikan masalah minyak masak dan bekalan telur yang dilihat semakin hari semakin tidak dapat dikawal.

Jikalau bercadang mengimport telur, bermakna kerajaan baharu juga gagal dan kecundang dalam menyelesaikan isu makanan ini dan bertindak mudah dengan mengimport.

Kerajaan perlu menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat dalang di sebalik isu kekurangan makanan asas ini daripada mencari jalan mudah, iaitu mengimport.

Tindakan mengimport akan mengancam penternak dan pengusaha ladang telur yang telah sekian lama menjadi pembekal untuk pasaran tempatan.

Selain itu, telur import berpotensi mengancam keselamatan pengguna kerana mudah rosak dan tamat tempoh.

Maka, kerajaan perlu bertindak tegas dalam memastikan bekalan telur tidak dimanipulasi oleh pihak tertentu sebelum bertindak mengimport dari luar negara yang belum pasti terjamin aspek kebersihan.

Jika tidak, rakyat terpaksa menghadapi krisis demi krisis dan tidak mustahil akan berhadapan krisis makanan yang lebih besar pada masa depan.

**TELUR TEMBELANG**
Temerloh, Pahang



**KERAJAAN perlu menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat dalang di sebalik isu kekurangan telur sehingga bahan makanan itu perlu diimport. – GAMBAR HIASAN/AFP**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/12/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |

# Call for egg price to be floated

**SIBU:** Egg producers here are urging the federal government to float the price of eggs to ensure sufficient domestic supply, apart from introducing a policy to increase local production of chicken feed.

Sibu MP Oscar Ling said producers were willing to compete in terms of price of imported eggs if the government was ready to float the price, Bernama reported.

"Producers are confident the price of eggs will go down in a few months and there will be enough supply if the Agriculture and Food Security Ministry takes this measure," he said after a dialogue with the Sibu Poultry and Livestock Association and Sibu Butchers Association yesterday.

He added that the association members claimed the high cost of chicken feed had restricted the production of eggs and made it difficult for them to sell at an average control price of RM12.90 per tray.

"The cost of feed represents 75% of the total production costs. If we can come up with our own feed, we can control the price of the product. If Malaysia cannot produce 100% of the feed, 50% would be good enough."

Ling said the associations also called on the government to issue more licences for importing pork to solve the meat shortage here.

He said currently, there are only four licensed pork importers in Sibu and consumers have to rely on breeders from Kuching to get additional supply.

Pig farms in Sibu have been closed since the African Swine Fever (ASF) outbreak early this year and most farmers could not restart operations due to a lack of funds.

"They are suggesting an agricultural insurance scheme, either private or government initiated, so affected farmers can restart their businesses with the (payout)."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/12/2022 | NST | LETTER | 11 |


**FOOD SECURITY**

# The best way to ward off high food prices is to boost income

**MARKET** participants in the agrifood industry expect global agricultural outputs to shrink next year and exacerbate the accessibility issue.

Everyone agrees on the way forward, which is to use public resources to promote sustainable productivity growth in agriculture, that is, research and development, farmer extension systems, education, sustainable use of available natural resources, and business environment necessary to raise food production and upgrade farmers to participate in local and global value chains.

Where we differ is in the short term, especially during a period when the foundation that took decades to shape food security is being tested.

So what should be done in the short run? First, distinguish between emergency supplies and buffer stocks. The former are meant to cover an immediate shortfall until sufficiency reaches a satisfactory level.

Due to the natural delay in agricultural production, imports always provide a breather. Buffer stocks that aim to stabilise prices are necessarily large. Only a few staple food items should be prioritised.

Second, determine the size of emergency supplies. There is a need to source emergency supplies while monitoring market development.

In this regard, larger quantities are desired at the initial phase. Ensuing production growth that responds to the market signal should meet a decline in the need for emergency supplies over time.

Third, unfixed emergency supplies need to be combined with safety nets. Some of the options include conditional cash transfers, temporary food aid and school meal programmes.

So another question is: what should not be done? For one, advising governments to undertake large-scale procurement for emergency supplies over a long period is costly to the nation and citizens.

Price caps of food items over a long period will disrupt the agri-business ecosystems. They lead to greater volatility than pre-adulteration in prices per unit (for example, per gramme of graded eggs) while reinvestments are foregone in productive areas.

Inefficient and conservative market participants are likely to surrender to market consolidation, which is induced by policy intervention. Abusive market power and governance are not easy to deal with.

Another question emerges: what needs to be done?

Disruptions cause shortages, and shortages lead to price hikes. Here, strategies for addressing high food prices must differ from the approaches to address price volatility.

There is a lack of evidence from other countries that long-term price controls have generated greater productivity growth or food security than those that do not.

The best defence against shortages is to encourage production growth and allow markets, including international trade, to function.

The best guard against high food prices is income growth. So a focus on public policy and private investments that can best achieve this seems the preferred option.

It is true that stabilising food prices could be good economics.

But the move to stabilise now at the risk of a seemingly unrelated future is neither good economics nor good politics.



*Price caps on food items over a long period will lead to disruptions in the agri-business ecosystems.* FILE PIC


**TEY YEONG SHENG**
Institute of Tropical Agriculture and Food Security,
Universiti Putra Malaysia